

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : NASIONAL

Biaya kos rawatan RM2.7 bilion

Penyakit diabetes, jantung dan kanser diberi perhatian serius

NORKHAILAH
 GUSTIHASSAN

KUANTAN

Kerajaan membiaya RM2.716 bilion setahun bagi kos rawatan diabetes, jantung dan kanser yang merupakan tiga penyakit utama dihadapi rakyat negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, jumlah itu direkodkan menerusi kajian ekonomi kesihatan Medical Journal of Malaysia



Dr Boon Chye (tengah) ketika melawat gerai pameran di Karnival 100% Sehat 2019 di Indera Mahkota semalam.

Vol 72 pada 2017. Daripada jumlah itu kajian, diabetes merekodkan jumlah tertinggi iaitu RM2.04 bilion disusuli ra-

watan penyakit jantung koronari, RM544 juta dan kanser paru-paru, iaitu RM132 juta, setahun. "Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi Jabatan Kesihatan Negeri akan sentiasa mempertingkatkan kesedaran kepada masyarakat dalam

Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi Jabatan Kesihatan Negeri akan sentiasa mempertingkatkan kempen kesedaran kepada masyarakat."

- Boon Chye

usaha mencegah penyakit ini.

"Kajian tersebut adalah kajian paling terkini dan pihaknya sentiasa menjalankan program seperti karnival ini dalam menyuarakan negara ini ke arah gaya hidup lebih sihat," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Karnival 100% Sehat 2019 anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Pahang di Indera Mahkota di sini, semalam. Sementara itu, Boon Chye berkata kerajaan melalui KKM memperuntuk-

kan RM100 juta untuk Bantuan Pekab40 mulai minggu hadapan.

Menurutnya, bantuan tersebut disasarkan kepada 800,000 peserta bagi peringkat pertama meliputi penterima Bantuan Sara Hidup yang berusia 50 tahun ke atas. "Mengikat rekod seramai 3.9 juta orang penerima bantuan kesihatan dan mereka boleh periksa kelainan mereka di laman web www.pekab40.com.my/" katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Peka B40 mulai hari ini

PUTRAJAYA 14 April - Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (Peka B40) akan dilaksanakan di seluruh negara bermula esok.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, Peka B40 memberi fokus kepada jalinan kerjasama awam dan swasta bagi membantu kumpulan B40 dengan mengutamakan perkhidmatan klinik perubatan swasta umum (GP) yang sudah berdaftar.

"Penerima yang layak boleh menjalankan saringan kesihatan di klinik GP yang memaparkan pelekat khusus Peka B40.

"Sehingga 12 April lalu, terdapat 423 klinik GP yang berdaftar sebagai Klinik Peka B40. Senarai penuh boleh diperolehi di laman web Peka B40 di alamat www.pekab40.com," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dzulkefly menambah, klinik GP lain pada masa sama turut disaran berdaftar secara dalam talian bagi menjadi Klinik Peka B40 untuk memudahkan penerima skim ini menjalankan saringan kesihatan di klinik berhampiran dengan mereka.

Jelasnya, pendaftaran sebagai Klinik Peka B40 akan berterusan selama skim ini berjalan.

Sebagai permulaan, Peka B40 menurutnya, akan melalui fasa ujian operasi yang mana Kementerian akan menilai kelancaran logistik dan mendapatkan maklum balas daripada semua pemegang taruh yang terbabit.

"Tempoh ujian ini akan berlangsung sehingga Peka B40 dilancarkan sepenuhnya kelak," katanya.



DZULKEFLY AHMAD

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : SETEMPAT

Putrajaya

PeKa B40 dilaksana hari ini

Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) akan dilaksanakan di seluruh negara bermula hari ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata PeKa B40 memberi fokus kepada jalinan kerjasama awam dan swasta bagi membantu kumpulan B40 dengan mengutamakan perkhidmatan klinik perubatan swasta umum (GP) yang sudah berdaftar.

“Penerima yang layak boleh menjalankan saringan kesihatan di klinik GP yang memaparkan

pelekat khusus PeKa B40.

“Sehingga 12 April lalu, terdapat 423 klinik GP yang berdaftar sebagai ‘Klinik PeKa B40’. Senarai penuh boleh diperoleh di laman web PeKa B40 di alamat www.pekab40.com.my,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Dzulkefly berkata, pada masa sama, klinik GP lain turut disaran berdaftar secara atas talian bagi menjadi Klinik PeKa B40 untuk memudahkan penerima skim ini menjalankan saringan kesihatan di klinik berhampiran dengan mereka.